



IDRIS HARON diiringi Suriani Ahmad (dua dari kanan) meninjau aktiviti yang dilakukan pelatih selepas perasmian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Seri Utama, Ayer Keroh, Melaka, baru-baru ini.

Lebih 20,000 pelatih terima manfaat

## Keberkesanan program tingkat jumlah PDK

Oleh NURSURAYA ZULKIFLI  
kota@utusangroup.com.my

■ MELAKA 8 APRIL

**P**ELAKSANAAN program-program di Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dilihat memberi kesan positif yang mendorong kepada peningkatan penubuhan pusat bagi golongan orang kurang upaya (OKU) mengikut permintaan daripada komuniti seluruh negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Suriani Ahmad berkata, sehingga Mac lalu, terdapat sebanyak 550 buah PDK ditubuhkan yang memberi manfaat kepada lebih 20,000 pelatih dengan melibatkan lebih 3,200 penyelia dan petugas.

Beliau berkata, faedah dan kepentingan pusat PDK adalah selari dengan hala tuju kementerian itu dengan PDK mengambil pendekatan penglibatan aktif ibu bapa, keluarga dan masyarakat terhadap usaha pemulihan insan istimewa.

"Antara program yang dijalankan adalah pengurusan diri, kemahiran motor kasar dan halus, perkembangan sosial dan bahasa, asas 3M (membaca, menulis dan mengira), sukan dan terapi-terapi yang bersesuaian.

"Selain itu, PDK ini berperanan memberi pengetahuan kepada golongan ibu bapa mengenai cara pengendalian anak-anak istimewa dengan lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis perasmian Pusat PDK Seri Utama, Ayer Keroh yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, di sini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Badan Amal Isteri Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional (Bistar) Melaka, Datin Seri Fadilah Abdullah dan Pengurus Jawatankuasa Wanita, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan negeri, Datuk Latipah Omar.

Dalam pada itu, Suriani turut menyatakan ibu bapa mempunyai peranan penting dalam membentuk anak-anak istimewa. "Kita perlu memberi komitmen dan kerjasama kepada penyelia dan petugas di

PDK terutama dalam program perkembangan sosial kerana pernyertaan dan penglibatan mereka memainkan peranan penting dalam menjayakan program di pusat berkenaan.

Katanya, kerjasama daripada ibu bapa juga selain pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membantu kerajaan dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai PDK dalam mengorak langkah menggalakkan golongan istimewa berdikari bagi menjamin kehidupan sejahtera dan produktif.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bila-

nya

ngan OKU yang mendaftar sehingga Mac lalu ialah seramai 460,000 orang iaitu 1.4 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia.

"Namun kita percaya masih terdapat ramai mereka yang tidak berdaftar sebagai OKU dan saya menyeru kepada ibu bapa atau penjaga yang mempunyai anak istimewa segera berbuat demikian bagi memperoleh manfaat sebagai OKU berdaftar," katanya.